



KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM ENCOURAGEMENT (UTMER)

Semakan:

Tarikh Pindaan: 9 JUN 2024

Muka surat 1 Daripada 7

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1	Objektif	Geran ini diwujudkan bertujuan: 1. Untuk meningkatkan bilangan penyelidik utama dan menyumbang kepada KPI Universiti Penyelidikan; 2. Untuk memperkasakan penyelidikan sedia ada yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara.
2	Syarat Permohonan	1. Staf Akademik MESTILAH bukan staf yang disenarai hitam oleh universiti ; 2. Staf Akademik TIDAK mempunyai geran aktif pada tahun semasa; 3. Telah melengkapkan dan menghantar laporan akhir bagi semua projek yang telah tamat. 4. Ketua Penyelidik warganegara / bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama; 5. Setiap projek mesti terdiri daripada Ketua Penyelidik dan sekurang-kurangnya satu (1) staf akademik UTM daripada bidang penyelidikan yang berkaitan; 6. Staf akademik yang bercuti belajar/ cuti sabbatical / cuti latihan ikhtisas tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi dibenarkan menjadi ahli projek ; 7. Seorang staf akademik hanya boleh mengemukakan satu sahaja permohonan geran penyelidikan dalam satu masa, sama ada UTMER ATAU UTMFR. 8. Peratusan yang dibenarkan mestilah kurang daripada 20% persamaan (Similarity Index) dengan penulisan sedia ada; 9. Penyelidikan hanya boleh dijalankan dalam Malaysia sahaja. 10. Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu diperolehi dalam tempoh enam (6) bulan yang pertama selepas geran diaktifkan.
3	Kriteria Permohonan	Setiap proposal hendaklah memenuhi salah satu (9) Signature Research UTM : 1. Sustainable and Resilient Urbanisation 2. Next Generation Systems and Networks 3. Smart Manufacturing and Materials 4. Natural Product, Biorefinery and Biotechnology 5. Energy Sustainability 6. Water Security 7. Smart Transportation 8. Biomedical and Healthcare Engineering 9. Smart Society
4	Tempoh Penyelidikan	Tempoh pelaksanaan projek adalah selama dua (2) tahun .
5	Siling Peruntukan	Jumlah siling maksimum bagi setiap permohonan geran adalah RM 70,000.00 bagi setiap projek
6	Peraturan Kewangan	Perbelanjaan projek yang terlibat/berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap penyelidik perlu mematuhi prosedur semasa perolehan universiti bagi setiap perbelanjaan seperti berikut: V11000 (Upah/Gaji/Elaun) Ketua Penyelidik WAJIB memperuntukkan amaun bagi elaun pelajar sebagai <i>Nexus Young Researcher</i> (NYR)



KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM ENCOURAGEMENT (UTMER)

Semakan:

Tarikh Pindaan: 9 JUN 2024

Muka surat 2 Daripada 7

Nexus Young Researcher (NYR)

Kadar elaun sara hidup pelajar:

Pengajian	Tempoh	Elaun sara hidup / bulan	Jumlah (RM)
Sarjana	24 bulan	RM 1500.00	RM 36,000.00

V21000 (Perjalanan & Pengangkutan)

1. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan domestik dan sara hidup yang berkaitan dengan projek dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan kajian/kerja lapangan;
2. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan, pengangkutan dan sara hidup mestilah **tidak melebihi 20%** daripada jumlah keseluruhan projek;
3. Perjalanan ke luar negara dibenarkan hanya sekali sahaja tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya **Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama** yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah (GRA) hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja menggunakan peruntukan geran ini;
4. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan adalah bagi menghadiri persidangan untuk membentangkan kertas kerja penuh secara lisan pada tahun kedua dan tahun berikutnya.

V24000 (Sewaan / Perhubungan dan Utiliti)

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

V27000 (Bekalan & Bahan Penyelidikan)

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

V28000 (Penyelenggaraan dan Ubah Suai)

1. Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan;
2. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.



KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM ENCOURAGEMENT (UTMER)

Semakan:

Tarikh Pindaan: 9 JUN 2024

Muka surat 3 Daripada 7

V29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)

- Meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan;
- Pembayaran honorarium kepada Ketua Penyelidik atau penyelidik bersama **tidak dibenarkan**;
- Pembentangan secara maya bagi persidangan luar negara terhad kepada seorang GRA sahaja jika terdapat keperluan.

V35000 (Peralatan dan Aksesori)

- Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan;
- Jumlah yang dipohon bagi vot ini **tidak melebihi 40%** daripada jumlah keseluruhan projek.

V40000 (Bayaran Yuran Pelajar NYR)

- Ketua Penyelidik **WAJIB** memperuntukkan amaun bagi yuran pelajar;
- Yuran pengajian pelajar yang akan ditanggung:

Pengajian	Tempoh	Jumlah Yuran (RM)
Sarjana	4 Semester	12,390.00**

**tertakluk kepada perubahan

V50000 (Caj Pengurusan)

Ketua Penyelidik **WAJIB** memperuntukkan amaun bagi caj pengurusan geran penyelidikan sebanyak 2.5% daripada jumlah geran.

Kawalan Peruntukan:

- Tidak dibenarkan membuat pindahan keluar daripada vot 11000 dan vot 40000;
- Tidak dibenarkan membuat pindahan masuk ke dalam vot 21000 kecuali bagi tujuan pengumpulan data sepertimana Kertas Cadangan Asal bersama justifikasi yang kukuh;
- Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat dan tuntutan perlu dilakukan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan;
- Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan;
- Peruntukan pada V40000 adalah bagi tujuan bayaran yuran pengajian pelajar *Nexus Young Researcher* (NYR) sahaja. Tiada pindahan bagi kegunaan lain-lain dibenarkan.



KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM ENCOURAGEMENT (UTMER)

Semakan:

Tarikh Pindaan: 9 JUN 2024

Muka surat 4 Daripada 7

7	Output Penyelidikan	<p>Output penyelidikan projek adalah:</p> <p>PENERBITAN :</p> <ol style="list-style-type: none">Dua (2) penerbitan berindeks dalam WoS (Q1- Q4) ATAU; Dua (2) penerbitan berindeks iaitu: Satu (1) penerbitan berindeks dalam WoS (Q1- Q4) DAN Satu (1) artikel berindeks dalam ESCI WoS/ Scopus/ERAPenghargaan kepada geran penyelidikan UTMER, UTM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan. Format adalah seperti berikut: Universiti Teknologi Malaysia, UTMER, serta no rujukan geran/no. cost centerPenghargaan bagi setiap penerbitan hanya terhad kepada 2 geran penyelidikan sahaja. <p>MODAL INSAN (<i>Minimum lantikan ialah 6 bulan</i>):</p> <ol style="list-style-type: none">Mendaftar satu (1) Sarjana mod penyelidikan; <p>GERAN LUAR:</p> <ol style="list-style-type: none">Ketua Penyelidik yang berjaya menerima geran UTMER adalah WAJIB memohon geran daripada agensi/institusi di luar UTM. Permohonan perlulah melalui proses semakan/penilaian/sokongan di peringkat RMC/RA melainkan tiada keperluan;Setiap rekod permohonan geran luar perlu dimaklumkan kepada pihak Unit Pemantauan RMC/muat naik proposal yang dihantar dalam modul Progress Report di RADIS;Kegagalan berbuat demikian akan memberi kesan kepada penyaluran dana bagi tahun berikutnya.
8	Proses Permohonan	<ol style="list-style-type: none">Permohonan bagi geran penyelidikan UTMER mestilah diisi secara atas talian di https://radis.utm.myPemohon perlu memuatnaik kertas cadangan (<i>proposal</i>) dalam akaun (<i>class</i>) Turnitin yang disediakan seperti di bawah dan laporan yang telah dijana perlu dilampirkan dalam sistem RADIS semasa penghantaran permohonan; Class ID: 42421428 Enrollment Key: 1234Permohonan yang tidak lengkap dan dihantar selepas tarikh tamat permohonan adalah ditolak dan tidak akan dipertimbangkan;
9	Penilaian Proposal	<p>Permohonan akan disemak dan dinilai oleh panel yang dilantik di peringkat Pejabat <i>Research Alliance</i> berdasarkan bidang kepakaran yang bersesuaian dengan <i>niche proposal</i>.</p>
10	Keputusan	<ol style="list-style-type: none">Keputusan penilaian dan pemilihan proposal akan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Dana (JKPD);Keputusan yang diumumkan adalah MUKTAMAD.
11	Pemantauan Projek	<ol style="list-style-type: none">Pemantauan Geran Penyelidikan UTMER dijalankan sebanyak 2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun;Setiap projek penyelidikan yang diluluskan diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan Geran Penyelidikan sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan;Peruntukan geran yang telah diluluskan akan diagihkan mengikut tahun selepas



KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM ENCOURAGEMENT (UTMER)

Semakan:

Tarikh Pindaan: 9 JUN 2024

Muka surat 5 Daripada 7

geran penyelidikan di aktifkan;

4. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut:
 - 4.1. Prestasi carta perbatuan; dan
 - 4.2. Prestasi kewangan; dan
 - 4.3. Pencapaian KPI; dan
 - 4.4. Bukti penghantaran / status permohonan geran luar selepas geran diaktifkan.

5. Berdasarkan hasil pemantauan dan dengan kelulusan JKPD, projek akan diklasifikasikan sebagai:

5.1. **DIGANTUNG (SUSPENDED)**

- 5.1.1. Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan;
- 5.1.2. Jika tiada permohonan geran luar dalam tempoh 12 bulan pertama.

5.2. **DITAMATKAN (TERMINATED)**

- 5.2.1. Jika tiada aktiviti atau perbelanjaan dibuat dalam tempoh 3 bulan geran AKTIF selepas dua (2) kali peringatan diberikan.

12

**Penutupan/
Penamatan
Geran**

1. Ketua Penyelidik bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh **tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat** geran penyelidikan;
2. Ketua Penyelidik perlu menghantar fail *Online Claim* selepas projek tamat ke Bahagian Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen dan penutupan geran;
3. Aset Penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Penyelidik apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Bahagian Kewangan RMC.
4. Kegagalan melengkapkan dan menghantar fail *Online Claim* dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna & memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang.
5. Ketua Penyelidik boleh **disenarai hitam** sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) kali peringatan dihantar.



**KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM
ENCOURAGEMENT (UTMER)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 9 JUN 2024

Muka surat 6 Daripada 7

13 Lain-lain

1. Permohonan bagi pelantikan SRA atau GRA hanya dibenarkan dengan kelulusan selepas gagal melantik pelajar NYR dalam tempoh 6 bulan projek diaktifkan. Namun demikian, **Ketua Penyelidik perlu menunjukkan bukti usaha mendapatkan pelajar bagi lantikan NYR tersebut.**

2. **Pembantu Penyelidik Siswazah (SLPP GRA)***

Kadar elaun sara hidup pelajar:

Pengajian	Elaun sara hidup / bulan
Sarjana	RM 1,800 - RM 2,000
PhD	RM 2,300 - RM 2,500

**tertakluk kepada kelulusan*

3. **Pembantu Penyelidik Siswazah (SLPP SRA)***

Kadar elaun sara hidup pelajar:

Pengajian	Kadar/Jam (RM)	Kadar/Hari (RM)	Elaun sara hidup / bulan
STPM/ Matrikulasi	7.50	60.00	RM 1,560.00
Diploma	8.50	68.00	RM 1,768.00
Sarjana Muda	10.50	84.00	RM 2,184.00
Sarjana	13.50	108.00	RM 2,808.00











**tertakluk kepada kelulusan*

4. Ketua Penyelidik diingatkan supaya **tidak melanjutkan projek bagi tujuan menyokong pelantikan pelajar (sepanjang tempoh pengajiannya)** tetapi mengutamakan penyampaian projek.

14 **Perihal kriteria**

1. Penyediaan kriteria: RMC dan *Research Alliance*.
2. Kelulusan kriteria : JKPD pada 9 Jun 2024.

Carta alir permohonan Geran Penyelidikan UTMER

Pegawai Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja
		Mula
KP		Menghantar permohonan geran penyelidikan UTMER melalui RADIS
Panel Khas		Menjalankan proses Technical Knockout (TKO)
RA		Mengenal pasti panel pakar bidang
RA		Menganjurkan sesi penilaian/pembentangan proposal
Panel		Menilai proposal
Pengarah RMC		Membentangkan keputusan akhir kepada ahli JKPD
RMC		Mengumumkan keputusan
PT / RM		Memberi khidmat nasihat pendaftaran deran dan mengaktifkan geran
		Tamat

KRITERIA TAMBAHAN 2024

- A. **Bagi Penyelidik Sains Sosial**, proposal yang dimohon adalah digalakkan untuk menyasarkan kepada tema-tema berikut:
- 1) Social Inclusion
 - 2) Environmental Risk & Disaster Management
 - 3) Society 5.0
 - 4) Marginalized Society & Urban Poor